

**Nota:** Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mendapatkan IL Comprehensive Accident Benefits Xtra Rider. Pastikan terma dan syarat am telah dibaca.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) ("Syarikat")  
 Nama Produk : IL Comprehensive Accident Benefits Xtra Rider  
 Tarikh : <dd/mm/yyyy>

### 1. Apakah produk ini?

IL Comprehensive Accident Benefits Xtra Rider ialah rider dengan penolakan unit yang menyediakan perlindungan semasa kematian, Hilang Upaya Total dan Kekal ("TPD") atau hilang upaya sementara, disebabkan semata-mata dan secara langsung daripada kemalangan. Ia membayar balik perbelanjaan perubatan dan menyediakan manfaat tambahan tanggung rugi mingguan bagi kemasukan hospital di hospital kerajaan Malaysia.

Rider ini didatangkan dengan insentif pembaharuan iaitu jumlah asurans bagi rider ini akan bertambah sebanyak 5% berdasarkan jumlah asurans asal setiap tahun sehingga maksimum 150% daripada jumlah asurans asal.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah asurans asal bagi rider ini ialah RM<Rider Sum Assured>.

Manfaat akan dibayar sekiranya perkara berikut berlaku kepada hayat yang diasuranskan disebabkan semata-mata dan secara langsung daripada kemalangan:

- kematian dalam tempoh 90 hari daripada kemalangan - 100% daripada jumlah asurans semasa\*;
- kematian dalam tempoh 90 hari daripada kemalangan semasa menaiki pengangkutan awam (selain daripada kereta kabel, teksi, kereta sewa atau sebarang bentuk pengangkutan yang disewa bagi perjalanan persendirian) atau lif elektrik atau akibat kebakaran sebarang teater atau pawagam - 200% daripada jumlah asurans semasa\*;
- TPD dalam tempoh 90 hari daripada kemalangan dengan syarat TPD telah berterusan untuk sekurang-kurangnya 6 bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya- 100% daripada jumlah asurans semasa\*;
- hilang upaya kekal dalam tempoh 90 hari dari kecederaan kemalangan - suatu peratusan\*\* daripada jumlah asurans semasa\*;
- pembayaran balik perbelanjaan perubatan bagi pembedahan, hospital, klinik atau khidmat kejururawatan di rumah - RM25 bagi setiap RM1,000 jumlah asurans asal (tertakluk kepada maksimum RM3,000 bagi setiap kemalangan).
- hilang upaya sementara, keseluruhan & berterusan - tanggung rugi mingguan sebanyak RM7.50 bagi setiap RM1,000 jumlah asurans asal sehingga 52 minggu\*\* bagi setiap kemalangan, dalam agregat dengan manfaat yang dibayar bagi (g) di bawah;
- hilang upaya sementara, separa & berterusan - tanggung rugi mingguan sebanyak RM1.75 bagi setiap RM1,000 jumlah asurans asal sehingga 52 minggu\*\* bagi setiap kemalangan, dalam agregat dengan manfaat yang dibayar bagi (f) di bawah;
- kemasukan hospital di hospital kerajaan Malaysia - tambahan tanggung rugi mingguan sebanyak RM3.00 bagi setiap RM1,000 jumlah asurans asal sehingga 25 minggu\*\*;
- elaun ihsan bagi kematian akibat kemalangan - 5% daripada jumlah asurans asal (tertakluk kepada maksimum RM5,000); tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

\* Jumlah asurans semasa = jumlah asurans asal + insentif pembaharuan

\*\* Tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

Tempoh perlindungan: <Term of Rider> tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.

### 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Tidak berkenaan bagi rider dengan penolakan unit. Sila rujuk soalan 4 di bawah untuk caj insurans.

### 4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- Caj insurans ditolak secara bulanan daripada nilai unit anda.
- Caj insurans adalah tidak dijamin dan berbeza mengikut klasifikasi pekerjaan pada setiap ulang tahun polisi. Huraian caj insurans dinyatakan dalam ilustrasi jualan dan/atau kontrak polisi.

Nota: Diskaun akan dikenakan ke atas caj insurans (tidak termasuk premium tambahan, jika ada) rider ini bagi empat tahun polisi pertama pelan asas yang dilampirkan dengan rider ini. Diskaun tidak dikenakan bagi rider ini jika ia dilampirkan bermula dari tahun polisi ke-5 pelan asas.

### 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Keperluan untuk membuat pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan perubatan, pekerjaan anda serta tuntutan peribadi, mana yang akan mempengaruhi profil risiko anda, jumlah polisi kemalangan diri yang anda beli daripada syarikat insurans lain (jika berkenaan).
- Tempoh memerhati bebas - anda boleh membatalkan rider dalam tempoh 15 hari selepas menerima polisi insurans. Syarikat akan menguatkuasakan semula unit yang telah ditolak untuk pembayaran caj insurans setelah ditolak sebarang bayaran perubatan yang ditanggung.
- Polisi luput - Rider ini akan luput apabila nilai unit pelaburan tidak mencukupi bagi membayar caj insurans.
- Prosedur tuntutan – Sila layari [greateasternlife.com/my](http://greateasternlife.com/my) bagi maklumat lebih lanjut berkenaan prosedur tuntutan Syarikat.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah rider ini.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?**

- Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras.
- Daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersil berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah rider ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan rider ini?**

Anda boleh membatalkan rider ini dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat.

**8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya?**

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda dengan sepatutnya..

**9. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan insurans berkaitan pelaburan, sila rujuk [www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Menara Great Eastern,  
303 Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur.  
Tel : +603 4259 8888  
Faks : +603 4259 8000  
Customer Service Careline : 1300 1300 88  
E-mel : [wecare-my@greateasternlife.com](mailto:wecare-my@greateasternlife.com)

**10. Apakah jenis perlindungan lain yang serupa?**

Sila semak dengan pengantara anda atau terus menghubungi Syarikat bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis pelan lain yang serupa.

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBERI PERHATIAN TERHADAP SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYADALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

**PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Syarikat atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

**Untuk maklumat berkenaan pemprosesan data peribadi dan hak anda ke atas data peribadi anda, sila rujuk Notis Perlindungan Data Peribadi yang dipaparkan dalam laman web [greateasternlife.com](http://greateasternlife.com), atau dapatkan salinan dari Pegawai Perkhidmatan kami.**

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.